



## MAJLIS PERBANDARAN MUAR

### IKLAN URUSAN KENAIKAN PANGKAT DARI JAWATAN PEMBANTU TADBIR (P/O) GRED N22 KE JAWATAN PEMBANTU TADBIR (P/O) GRED N26

Permohonan adalah dipelawa kepada Pembantu Tadbir (P/O) Gred N22 yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan berikut di Majlis Perbandaran Muar.

1. (a) JAWATAN : PEMBANTU TADBIR (P/O) GRED N26  
(b) KEMENTERIAN / JABATAN : MAJLIS PERBANDARAN MUAR  
(c) KUMPULAN PERKHIDMATAN : PELAKSANA  
(d) KLASIFIKASI : PENTADBIRAN DAN SOKONGAN  
(e) GRED : N26  
(f) KEKOSONGAN : 1 (SATU)

2. **Jadual Gaji** **Jadual Gaji Minimum – Maksimum** : **RM 2,577.00 – RM 5,251.00**

#### 3. SYARAT KENAIKAN PANGKAT KE GRED N26

Pembantu Tadbir (P/O) Gred N22 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Tadbir (P/O) Gred N26 setelah memenuhi syarat-syarat berikut:-

- (a) Disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) Mencapai prestasi yang ditetapkan iaitu bagi tahun 2014, 2015 dan 2016 atas gred jawatan hakiki/lantikan;
- (c) Diperakukan oleh Ketua Jabatan;
- (d) Bebas daripada sebarang tindakan dan hukuman tatatertib;
- (e) Telah mengisytiharkan harta berdasarkan peraturan yang berkuat kuasa;
- (f) Lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);
- (g) Bebas daripada disenaraikan sebagai peminjam pendidikan tegar dari institusi pinjaman pendidikan; dan
- (h) Syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh Lembaga.

#### 4. PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN:

Pegawai-pegawai yang memasuki Perkhidmatan Pembantu Tadbir (P/O) Gred N26 adalah tertakluk kepada syarat-syarat Skim Perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

#### 5. PERMOHONAN

Semua permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan format borang yang ditetapkan dan boleh didapati di Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Perbandaran Muar. Borang permohonan yang telah **lengkap diisi** hendaklah dihantar kepada:

6. **TARIKH TUTUP PERMOHONAN** : **23 JULAI 2017**

## **7. PERMOHONAN**

- (a) Pemohonan dari mereka yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, Badan-badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan mestilah melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Perintah Am Bil.17 Bab A di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) Tahun 2005 dan hendaklah disertakan dengan Salinan Penyata Rekod Perkhidmatan yang dikemaskini serta Laporan Nilai Prestasi Tahunan terkini;
- (b) Borang pemohon yang lengkap diisi hendaklah disertakan dengan sekeping gambar berukuran passport, salinan kad pengenalan, sijil lahir, sijil-sijil persekolahan, kelulusan akademik, transkrip keputusan peperiksaan semua semester dan dokumen-dokumen lain yang telah diakui sah;
- (c) Pemohonan yang lewat, tidak lengkap, tidak diakui sah atau tidak mengikut syarat di atas akan ditolak;
- (d) Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga; dan
- (e) Permohonan-permohonan yang tidak menerima jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya;
- (f) Pihak Pentadbiran Majlis Perbandaran Muar tidak akan bertanggungjawab atau menanggung segala perbelanjaan berkaitan dengan temuduga.

**YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN MUAR  
84009 MUAR**